

Tingkatkan pengagihan vaksin di Selangor

Kuala Lumpur: Pengagihan vaksin Covid-19 di Selangor akan ditingkatkan sebanyak 25 peratus termasuk pembukaan lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berskala besar bagi menampung populasi penduduk di negeri itu.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick), Khairy Jamaluddin berkata, pengagihan vaksin ke negeri itu ketika ini pada kadar 17 peratus daripada penghantaran seluruh negara.

"Kita mengambil maklum, populasi di Selangor yang berusia 18 tahun ke atas berbanding keseluruhan populasi seluruh negara adalah lebih 20 peratus.

"Setakat ini, penghanta-

ran vaksin minggu ini adalah 17 peratus daripada penghantaran seluruh negara, disebabkan itu CITT (Badan Bertindak Imunisasi Covid-19) membuat keputusan untuk meningkatkan kapasiti di Selangor supaya lebih banyak vaksin dapat dihantar," katanya dalam sidang media mingguan perkembangan Pick bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba di sini, semalam.

Selain itu, Khairy berkata, CITT mengambil

maklum titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kelmarin untuk memastikan tumpuan lebih diberikan untuk mengawal penularan pandemik

Covid-19 di negeri itu.

"CITT ambil maklum titah Sultan Selangor semalam (kelmarin) untuk memastikan kita memberi tumpuan lebih untuk mengawal penularan pandemik di Selangor dan beri keutamaan khas kepada negeri yang mempunyai populasi yang paling tinggi ini.

"Perancangan ini sudah dilakukan sejak beberapa minggu lalu dengan pembukaan lebih banyak PPV dan akan meningkatkan pengagihan penghantaran vaksin kepada Selangor pada kadar 25 peratus dan jumlah ini akan ditambah selepas kita menerima bekalan tambahan vaksin bulan depan," katanya.

